
**THE ELEVENTH ASEAN CLIMATE OUTLOOK FORUM (ASEANCOF-11)
AND THE WORLD METEOROLOGICAL ORGANIZATION SPACE-
BASED WEATHER AND CLIMATE EXTREMES MONITORING
DEMONSTRATION PROJECT (WMO SEMDP) WORKSHOP AND
STEERING GROUP MEETING**

KUALA LUMPUR, 2 November 2018 – Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) telah menjadi tuan rumah bagi penganjuran program *11th ASEAN Climate Outlook Forum (ASEANCOF)* yang berlangsung pada 29 Oktober sehingga 2 November 2018 di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur. ASEANCOF diwujudkan sejak tahun 2013 oleh *World Meteorological Organization/Climate Information and Prediction Services (WMO/CLIPS)* dengan kerjasama *National Meteorological and Hydrological Services (NMHSs)* serta pelbagai pusat iklim serantau dan antarabangsa.

Forum ini bertujuan untuk menyediakan tinjauan iklim bermusim dan maklumat berkaitan berasaskan kerjasama dan konsensus serantau. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan pembuatan keputusan untuk menguruskan risiko berkaitan iklim dan menyokong pembangunan mapan.

Tema ASEANCOF pada tahun ini adalah untuk meneroka penggunaan data dan produk pencerapan berasaskan angkasa lepas bagi pemantauan cuaca dan iklim ekstrem secara rutin berdasarkan permintaan pengguna semasa dan akan datang. Oleh yang demikian, pada kali ini ASEANCOF diadakan bersekali dengan *WMO Space-Based Weather and Climate Extremes Monitoring (SWCEM) Demonstration Project (SEMDP) Training Workshop*.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof Madya Dr. Ramzah Dambul, Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang mewakili Ketua Setiausaha MESTECC pada 31 Oktober 2018. Turut hadir semasa majlis perasmian ialah YBrs. En. Alui Bin Bahari, Ketua Pengarah MMD, YBrs. En. Raizan Rahmat, *Deputy Principal Research Scientist, ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)*, Singapura, YBrs. Dr. Toshiyuki Kurino, *Chief, Space-Based Observing System Division, World Meteorological Organization (WMO)* dan YBrs. En. Peer Hechler, *Scientific Officer of Data Management Applications Division, WMO*.

Program ini telah disertai oleh seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada wakil Sekretariat ASMC dan WMO, pakar dari Australia, China, Republic of Korea dan United Kingdom Met Office serta delegasi dari negara Asia Tenggara iaitu Brunei, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Selain itu, program ini turut disertai oleh pakar dari European Centre For Medium-Range Weather Forecasts (ECMWF), United Kingdom dan Tokyo Climate Center, Jepun melalui video konferen.



Majlis perasmian program Eleventh ASEANCOF and The WMO SEMDP Workshop and Steering Group Meeting disempurnakan oleh YBhg. Prof Madya Dr. Ramzah Dambul, Timbalan Ketua Setiausaha (STI) MESTECC



Barisan dif-dif kehormat dari kiri: En. Peer Hechler, En. Alui Bin Bahari, YBhg. Prof Madya Dr. Ramzah Dambul, En. Raizan Rahmat dan Dr. Toshiyuki Kurino



Eleventh ASEAN Climate Outlook Forum and WMO SEMDP Workshop & Steering Group Meeting



Eleventh ASEAN Climate Outlook Forum



SEMDP Steering Group Meeting



Sesi pembentangan oleh En. Raizan Rahmat dari ASMC



Sesi forum bersama Dr. Yuriy Kuleshov, Bureau of Meteorology, Australia



Para peserta ASEANCOF



Aktiviti perbincangan dalam kumpulan



Sesi pembentangan para peserta



Sesi soal jawab dengan Dr. Charline Marzin, UK Met Office



Sesi lawatan ke Ibu Pejabat MMD, Petaling Jaya



Dr. Mohd Hisham Mohd Anip, Pengarah Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional memberikan taklimat kepada para peserta program semasa lawatan ke pusat itu



Sesi Mesyuarat *Steering Group* SEMDP